

04 AUG 1997

SITI HASMAH SARAN MASYARAKAT BERGANDING BAHU ATASI AIDS

LANGKAWI, 4 Ogos (Bernama) -- Isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali meminta semua lapisan masyarakat berganding bahu memerangi Sindrom Kurang Daya Tahan Melawan Penyakit (AIDS) yang semakin menular di negara ini.

"Kita perlu berganding bahu dan bersama-sama bertanggungjawab bagi memerangi gejala AIDS," katanya pada majlis ceramah AIDS dan mesra bersama beliau anjurkan Puspanita Langkawi dengan kerjasama Bahagian Keselamatan Negara, Negeri Kedah dan PEMADAM Langkawi, di sini hari ini. Ceramah mengenai AIDS disampaikan Presiden Persatuan AIDS Malaysia, Datin Paduka Marina Mahathir.

Siti Hasmah berkata maklumat sindrom bahaya itu perlu diperluaskan bagi memastikan masyarakat mendapat maklumat terkini.

Beliau berkata ceramah sedemikian juga membolehkan rakyat mengetahui bahawa ramai orang tidak berdosa termasuk kanak-kanak dijangkiti penyakit itu akibat perbuatan orang yang tidak bertanggungjawab.

Beliau turut memuji Puspanita Langkawi yang mengambil usaha mengadakan aktiviti seumpama itu untuk memberi manfaat kepada rakyat Langkawi. Seramai 300 wanita dari pelbagai jabatan kerajaan, pertubuhan sukarela menghadiri majlis itu.

Siti Hasmah juga menasihatkan rakyat Langkawi supaya jangan membiarkan perkara negatif seperti AIDS menular bersama kemajuan di pulau bebas cukai ini, yang kini muncul sebagai destinasi pelancongan utama di rantau ini. --
BERNAMA

ZI NAK